

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Malaysia kedudukan kelapan bidang elektrik |             |                     |
| MediaTitle | Utusan Malaysia                            |             |                     |
| Date       | 11 Apr 2018                                | Color       | Full Color          |
| Section    | Dlm Negeri                                 | Circulation | 171,663             |
| Page No    | 8  | Readership  | 563,000             |
| Language   | Malay                                      | ArticleSize | 148 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 2,952            |
| Frequency  | Daily                                      | PR Value    | RM 8,856            |



# Malaysia kedudukan kelapan bidang elektrik

**KUALA LUMPUR 10 April** – Imej Malaysia terus cemerlang di persada antarabangsa menerusi pelbagai pengiktirafan oleh badan-badan dunia dan yang terbaru, negara diletakkan di kedudukan kelapan dari 190 negara bagi bidang elektrik atau ‘getting electricity’ berdasarkan laporan oleh Bank Dunia tahun ini.

Laporan Menjalankan Perniagaan (DB) 2018 Bank Dunia itu menyaksikan Malaysia telah mendahului Singapura yang berada di kedudukan ke-12 dan United Kingdom (UK) di tempat kesembilan.

Pengiktirafan ke atas Malaysia dengan meletakkan negara di kedudukan teratas dalam laporan itu mencerminkan kebolehpercayaan terhadap bekalan elektrik negara.

“Ia mengambil masa 31 hari untuk penyambungan grid (penyaluran elektrik) di Malaysia iaitu kurang separuh daripada purata 78 hari ke seluruh ekonomi ber-

pendapatan tinggi,” kata Bank Dunia dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Kecemerlangan itu dikatakan dicapai menerusi usaha-usaha dan kerjasama rapat melibatkan pemain-pemain industri bekalan elektrik, Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Bhd. (TNB) untuk mempertingkatkan keberkesanan dalam penyambungan elektrik.

Inisiatif yang dilaksanakan termasuk permohonan secara dalam talian kepada pelanggan yang menyediakan lebih banyak kemudahan serta memendekkan masa menunggu sekali gus menjadikan keseluruhan proses permohonan lebih mudah dan lebih cepat.

Antara kriteria yang digarisukkan bagi bidang dapatan elektrik tersebut jelas Bank Dunia adalah kebolehpercayaan bekalan, ketelusan tarif, kos yang berpatut untuk mendapatkan sambungan elektrik dan proses penyelarasaran untuk mendapatkan sambungan.